

UCAPAN YAB DATO HUSSEIN ONN,  
PENGERUSI BARISAN NASIONAL, DI-  
MAJLIS MEMPERKENALKAN MANIFESTO  
BARISAN NASIONAL DI BANGUNAN UMNO,  
JALAN TUANKU ABDUL RAHMAN,  
KOALA LUMPUR, PADA 24HB. JUN, 1978  
JAM 10.00 PAGI.

Pilihanraya memang penting. Bagi Malaysia, Pilihanraya itu menjadi lebih penting kerana, selain daripada menghadapi masalah pembangunan, Pilihanraya di Malaysia adalah menentukan sama ada rakyat yang berbagai keturunan, dapat terus bersatupadu, atau sebaliknya berpecah belah. Saya tidaklah berhajat hendak menghuraikan satu persatunya, hasrat dan cita-cita yang terkandung dalam Manifesto Barisan Nasional, kerana saya berkehendakkan rakyat sendiri meneliti dan mengkajinya, serta membuat pertimbangan

sedalam-dalamnya, mengapakah mereka patut mengundi Barisan Nasional dengan memilih calon-calon Barisan Nasional pada 8hb. Julai ini.

2. Ikrar yang dilahirkan dalam Manifesto Barisan Nasional, ialah menjayakan 20 matlamat penting, supaya keamanan dan kemakmuran yang telah diperolehi dan dinikmati oleh rakyat dan negara, dapat terus kekal dan di tingkatkan, disamping dapat mewujudkan keadilan sosial dan kehidupan yang lebih baik bagi semua.

3. Barisan Nasional mempunyai cukup tenaga kemahiran dan kepakaran, bagi melahirkan perancangan pembangunan yang baik untuk rakyat.

Barisan Nasional mempunyai keyakinan dan kepercayaan antarabangsa, bagi mendapatkan kewangan untuk melaksanakan segala projek dan rancangan yang disusun, bagi membolehkan rakyat dapat terus hidup dalam aman, makmur dan bahagia.

4. Sepanjang empat tahun lalu - kali pertama rakyat memberikan mandatnya kepada

Barisan Nasional pada tahun 1974 - rakyat  
jelata

telah dapat melihat dengan mata kepala mereka sendiri, perkembangan pesat ekonomi negara, kemajuan dan kejayaan cemerlang projek dan rancangan pembangunan, dan menikmati sendiri kemakmuran dan kebahagiaan, sekali pun keadaan ekonomi dunia dalam beberapa tahun ini, pada keseluruhannya, tidaklah begitu menggalakkan.

5. Perpaduan rakyat Malaysia dari semua keturunan selama ini, telah dapat mewujudkan kestabilan politik, dan dengan demikian, rancangan pembangunan telah dapat dijalankan dengan pesat. Adalah menjadi tujuan Barisan

Nasional mengekalkan kerjasama itu.

6. Masalah yang ditimbulkan oleh rakyat berbilang kaum dan keturunan, serta berlainan agama di Malaysia, tidak harus merunsingkan kita, tetapi sebaliknya hendaklah dianggap sebagai satu cabaran, yang mesti diatasi dengan segala keberanian dan kejujuran.

Kejayaan kita setakat ini, telah mengagumkan dunia, dan Barisan Nasional berharap Malaysia akan menjadi negara contoh dalam kejayaannya

menyatupadukan rakyatnya yang berbilang kaum ini. Perkara ini bukanlah mustahil. Barisan Nasional yakin dapat menjayakannya, jika rakyat mempunyai keinginan yang sama.

7. Sebarang masalah boleh diselesaikan dengan perundingan, bukan dengan cara perselisihan. Barisan Nasional merupakan satu forum politik yang teragong di Malaysia, dimana semua kaum dan parti-parti yang pada mulanya mempunyai ideologi yang berlainan, boleh duduk di satu meja perundingan bagi

menyelesaikan masalah Malaysia yang rumit, dengan cara muhibbah. Masalah Malaysia mesti diselesaikan dengan cara kerjasama. yang rapat diantara semua kaum.

8. Selama empat tahun, parti-parti anggota Barisan Nasional telah bergerak bersama, kukuh dan teguh, bagi mencapai matalamat pelaksanaan pembangunan yang lebih berkesan. Persaingan kegiatan politik telah dapat dikurangkan, bagi membolehkan masa dan tenaga ditumpukan sepenuhnya, kearah meningkatkan taraf ekonomi

rakyat, dan memperbaiki keadaan hidup rakyat jelata, khususnya mereka yang miskin, dan juga golongan yang berpendapatan rendah.

9. Dibawah pemerintahan Barisan Nasional Malaysia telah mengecap keamanan, kestabilan dan kemakmuran. Inilah tiga daripada beberapa perkara penting yang dikehendaki oleh rakyat. Barisan Nasional akan terus, jika diberi mandat sekali lagi, mengekalkan keamanan dan kestabilan serta menambah kemakmuran.

10. Barisan Nasional bercita-cita mengekalkan Malaysia yang aman, dimana rakyatnya bersatupadu kukuh dan tegoh, serta mempunyai sebuah kerajaan yang liberal, bersih, tidak

korap, adil dan berpatutan kepada semua pihak.

11. Kerajaan Barisan Nasional sentiasa mementingkan mereka yang sebenar-benarnya berkehendakkan pertolongan, disamping memberi peluang dengan sepenuhnya kepada ahli-ahli perniagaan dan perusahaan mengambil faedah daripada usaha-usaha mereka itu. Kami tidak membuat sesuatu janji yang mustahil. Biarlah parti-parti pembangkang mengamalkannya.

12. Kami akan terus memperjuangkan nasib

orang-orang miskin, di mana-mana sahaja mereka berada, sama ada dikampung-kampung atau di bandar-bandar. Usaha akan diteruskan supaya perbezaan ekonomi diantara satu kaum dengan yang lain, dapat dikurangkan.

13. Cita-cita rakyat adalah sama dengan cita-cita kami Barisan Nasional. Cita-cita kita bukanlah satu perkara mustahil untuk dilaksanakan. Malaysia ialah sebuah negara yang makmur, banyak mempunyai hasil bumi yang berharga. Pedagang-pedagang dari luar yang berminat melabor modal, mencurahkan

masuk ke negara ini. Kedua-dua faktor ini, memberi sebesar-besar peluang kepada kita, untuk menikmati kemewahan hidup yang lebih tinggi.

14. Dasar hormat menghormati dan percava mempercayai diantara rakyat Malaysia sentiasa.

wujud dan dipelihara. Barisan

Nasional adalah pelupur yang mengasaskan

perpaduan rakyat dari berbagai keturunan

dan kaum, tetapi sebaliknya parti-parti

pembangkang cuba hendak menghancurkannya.

pilihanrayaini memberi peluang kepada rakyat, menentukan sama ada kita akan kekal bersatu atau sebaliknya.

15. Dasar pelajaran kita, bukan sahaja bertujuan hendak memberi kepandaian kepada anak-anak kita, tetapi juga bertujuan untuk memupuk semangat kebangsaan dan semangat menghidupkan perpaduan rakyat. Kerajaan akan terus menitik beratkan bidang pelajaran. menyediakan kemudahan-kemudahan dan peluang-peluang dengan mengadakan lebih banyak lagi sekolah-sekolah vokesyenal, melahirkan lebih

ramai lagi tenaga professional dan sub-profesional yang diperlukan oleh negara. Kerajaan sedar masalah penuntut-penuntut meninggalkan bangku sekolah dengan tidak ada pekerjaan.

Barisan Nasional menganggap perkara tersebut sebagai satu perkara yang amat penting, dan akan berusaha mengatasinya.

16. Barisan nasional juga akan berusaha kearah mencapai matlamat bagi memberi peluang kepada semua penuntut melanjutkan pelajaran mereka keperingkat-peringkat yang lebih tinggi lagi.

hinggalah ke pusat-pusat pengajian tinggi dan ke universiti-universiti. Ramai lagi bilangan penuntut yang akan mendapat faedahnya.

17. Barisan Nasional akan mengekalkan dasar ekonomi bebas. Dasar ini telah diketahui umum diseluruh dunia dan telah dapat menarik banyak modal asing masuk kemari. Bolehkah Malaysia menikmati perkembangan ekonomi negara, jika parti-parti pembangkang, yang tidak jelas dengan dasar ekonominya, diberi kuasa memerintah negara ini?

18. Kami sedar tentang kelemahan-kelemahan berazam untuk memperbaiki dan memperkukuhkannya lagi. Mendirikan lebih banyak rumah-rumah murah, menyediakan pekerjaan kepada belia-belia, dan mewujudkan penghidupan yang lebih baik, adalah menjadi tumpuan utama perjuangan Barisan Nasional yang akan dilanjutkan lagi selepas Pilihanraya ini.

19. Malaysia dibawah pemerintahan Barisan Nasional, mendapat kepercayaan darinya negara-

negera luar, dimana dengan mudah sanggup memberikan pinjaman wang yang banyak untuk pembangunan, ataupun mereka menanam modal terus di negara ini. Inilah punca perkembangan ekonomi negara. Apakah kepercayaan dunia luar kepada kita, akan berkekalan atau tidak, jika parti pembangkang diberi kuasa memerintah?

20. Dasar luar kita, yang berkecuali, bebas dan aktif itu, bukan sahaja telah menimbulkan kestabilan politik dan mengekalkan keamanan, tetapi juga membawa faedah yang besar dari

..17/-

segi memperluaskan perdagangan antarabangsa. Dasar luar Barisan Nasional adalah jelas, dan menguntungkan negara, disamping membantu menegakkan keamanan dunia.

21. Matalamat kami ialah membawa keamanan, kemakmuran, keadilan sosial dan kehidupan yang lebih baik bagi semua. Rakyat, khususnya pengundi-pengundi, akan dapat meneliti serta memahami sepenuhnya, segala hasrat, cita-cita dan matalamat Barisan Nasional, sebagaimana yang terkandung dalam Manifesto kami.

22. Disamping menghuraikan alasan yang penting mengapa rakyat patut mengundi calon-calon Barisan Nasional, manifesto kami juga menerangkan program bertindak kami kearah membawa keadilan sosial dan kearah mewujudkan Malaysia sebagai sebuah negara yang moden dan makmur.

23. Saya menyeru rakyat, khususnya pengundi-pengundi, supaya meneliti manifesto Barisan Nasional, serta benar-benar memahami segala hasrat dan cita-cita Barisan Nasional yang terkandung di dalamnya. Terima kasih.



No Siri ..... 372  
No Penerimaan ..... 37/79